



KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

3 MEI 2023 (RABU)



KERATAN AKHBAR (KPDN)

3 MEI 2023 (RABU)

Kilang gula tutup punca bekalan terputus

SEPANG: Isu bekalan gula paket satu kilogram (kg) yang ‘terputus’ di beberapa tempat di Kelantan dan Terengganu berlaku akibat penutupan sementara kilang MSM di Johor dan Perai, Pulau Pinang kerana sambutan Aidilfitri baru-baru ini.

Menyatakan hal itu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN), Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, gangguan bekalan tersebut hanya berlaku di Kelantan dan beberapa lokasi di Terengganu, tetapi tidak melibatkan negeri-negeri lain dan bekalan adalah mencukupi.

“Namun begitu, kedua-dua kilang MSM ini sudah beroperasi semula pada 25 April yang lalu. Bekalan gula telah diperoleh secara berperingkat melalui pemborong-pemborong utama negeri-negeri terbabit.

“Semalam, KPDN Kelantan mengambil langkah mengedarkan bekalan gula peket sekilogram sebanyak 250,000 kg dalam simpanan pemborong utama di Kelantan kepada pemborong dan peruncit terjejas,” katanya dalam sidang akhbar semalam.

Menurut Salahuddin, terdapat lapan pemborong utama gula di Kelantan yang mana mulai Sabtu lalu sehingga semalam, empat pemborong utama gula menerima 140.72 metrik tan daripada MSM.

Jelas beliau, bekalan baharu yang diterima itu akan diagihkan kepada pemborong dan peruncit mulai esok dengan pemantauan oleh KPDN Kelantan.

Selain itu, katanya, KPDN turut bekerjasama rapat dengan dua pengilang utama negara iaitu MSM dan CSR bagi memastikan isu gangguan bekalan ini diatasi dengan segera di negeri yang terbabit.

“KPDN akan bertindak tegas kepada mana-mana pihak yang mengambil kesempatan di atas situasi yang berlaku atau melanggar peruntukan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan perundangan subsidiarinya,” katanya.

Kilang gula tutup sementara ganggu bekalan dua negeri

**Kelantan,
Terengganu mula
terima agihan
selepas premis
MSM kembali
beroperasi**

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
bhnews@bh.com.my

Sepang: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memaklumkan berlaku gangguan bekalan gula paket satu kilogram (kg) di Kelantan dan Terengganu, susulan penutupan sementara kilang gula MSM di Johor dan Perai, Pulau Pinang kerana sambutan Aidilfitri, baru-baru ini.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata gangguan

bekalan berlaku di Kelantan dan sedikit di Terengganu, manakala di negeri lain, tiada masalah dan bekalan mencukupi.

Beliau berkata, kedua-dua kilang MSM itu sudah beroperasi semula pada 25 April lalu dan bekalan gula diperoleh secara berperingkat melalui pemborong utama di negeri terbabit.

Terdapat lapan pemborong utama gula di Kelantan yang mana mulai Sabtu lalu hingga kelmarin, empat pemborong utama sudah menerima 140.72 tan gula daripada MSM.

Bekalan baharu yang diterima itu akan diagihkan kepada pemborong dan peruncit mulai hari ini, dengan pemantauan oleh KPDN Kelantan.

"KPDN sudah bekerjasama rapat dengan dua pengilang utama negara iaitu MSM dan CSR bagi memastikan isu gangguan bekalan ini diatasi dengan segera.

"Hari ini (semalam) juga, KPDN Kelantan mengedarkan 250,000 kilogram, gula paket satu kilogram yang ada dalam simpanan pemborong utama di Kelantan kepada pemborong dan pe-

runcit yang terjejas," katanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), semalam.

Penduduk tak panik

Mengulas lanjut, Salahuddin berharap, penduduk di negeri terbabit tidak panik mahu pun terpedaya dengan kemungkinan isu harga gula akan naik yang dimainkan pihak tertentu.

Beliau menegaskan, KPDN akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang cuba mengambil kesempatan atas situasi yang berlaku, begitu juga yang mungkin membuat provokasi kononnya harga gula akan dinaikkan.

"Setakat ini, KPDN memberi jaminan, belum ada keputusan kenaikan harga gula dan rakyat masih dapat membeli bekalan gula pada harga yang ditetapkan.

"Kalau ada pihak yang menyorok atau melakukan sabotaj, mereka akan dikenakan tindakan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya.



KPDN sudah bekerjasama rapat dengan dua pengilang utama negara iaitu MSM dan CSR bagi memastikan gangguan bekalan ini diatasi segera

*Salahuddin Ayub,
Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup*

Kilang tutup cuti raya punca gula kurang

Oleh KAMARIAH KHALIDI

SEPANG – Isu bekalan gula peket satu kilogram (kg) ‘terputus’ di beberapa tempat di Kelantan dan Terengganu dilaporkan terjadi kerana penutupan sementara kilang MSM di Johor dan Perai, Pulau Pinang susulan sambutan Aidilfitri baru-baru ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN), Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, gangguan bekalan hanya berlaku di Kelantan dan beberapa lokasi di Terengganu, tetapi tidak melibatkan negeri-negeri lain.

“Namun begitu, kedua-dua kilang MSM ini telah beroperasi semula pada 25 April yang lalu.

“Bekalan gula telah diperolehi secara berperingkat melalui pemborong-pemborong utama negeri-negeri terbabit.

“Semalam (kelmarin), KPDN Kelantan telah mengambil langkah untuk mengedarkan bekalan gula peket sekilogram sebanyak 250,000 kilogram yang ada dalam simpanan pemborong utama di Kelantan kepada pemborong serta peruncit terjejas,” katanya menerusi sidang akhbar di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), di sini semalam.

Menurut Salahuddin, terdapat lapan pemborong utama gula di Kelantan yang mana mulai Sabtu lalu sehingga kelmarin, empat pemborong utama gula telah menerima sebanyak 140.72 metrik tan gula daripada MSM.

Jelas beliau, bekalan baharu yang diterima itu akan diagihkan kepada pemborong dan peruncit mulai hari ini dengan pemanfaatan KPDN Kelantan.

“Selain itu, KPDN turut beker-

jasama rapat dengan dua pengilang utama negara iaitu MSM dan CSR bagi memastikan isu gangguan bekalan ini diatasi dengan segera di negeri yang terbabit.

“KPDN akan bertindak tegas kepada mana-mana pihak yang mengambil kesempatan di atas situasi yang berlaku atau melanggar mana-mana peruntukan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan perundungan subsidiarinya,” katanya.

Salahuddin berkata, KPDN memberi jaminan bahawa tiada sebarang keputusan untuk menaikkan harga gula setakat ini dan rakyat boleh mendapatkan bekalan tersebut dengan harga yang ditetapkan.

“Saya harap tidak berlaku panik atau rakyat tidak terperdaya kononnya ada isu harga gula akan dinaikkan kerana kita telah dapat atasi isu ini,” ujarnya.



SALAHUDDIN bercakap pada sidang akhbar berhubung isu bekalan gula di pantai timur di Terminal 1, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang semalam. – FAISOL MUSTAFA



SALAHUDDIN ketika sidang media mengenai masalah bekalan gula di pantai timur di Terminal 1 Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). - Gambar NSTP/MOHD FADLI HAMZAH

GANGGUAN BEKALAN GULA DI KELANTAN, TERENGGANU

Penutupan kilang punca kekurangan!

Oleh Irwan Shafrizan
Ismail
am@hmetro.com.my

Sepang

Gangguan bekalan gula peket satu kilogram (kg) di Kelantan dan Terengganu, disebabkan penutupan sementara kilang gula MSM di Johor dan Perai, Pulau Pinang kerana sambutan Aidilfitri, baru-baru ini.

Namun, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, kedua-dua kilang berkenaan sudah beroperasi semula pada 25 April lalu.

"Gangguan bekalan gula hanya berlaku di Kelantan

dan sedikit di Terengganu manakala di negeri lain isu ini tidak berlaku dan bekalan adalah mencukupi.

"Bekalan gula sudah diperoleh secara berperingkat melalui pemborong utama negeri terbabit.

"Hari ini (semalam) KPDN Kelantan sudah mengambil langkah untuk mengedarkan 250,000kg bekalan gula peket sekilogram yang ada dalam simpanan pemborong utama di Kelantan kepada pemborong dan peruncit yang terjejas," katanya pada sidang media di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, semalam.

Beliau berkata, terdapat lapan pemborong utama gula di Kelantan yang mulai

Sabtu lalu hingga kelmarin, empat pemborong utama gula sudah menerima sebanyak 140.72 metrik tan gula dari MSM.

"Bekalan baharu yang diterima ini akan diagihkan kepada pemborong dan peruncit mulai esok (hari ini) dengan pemantauan oleh KPDN Kelantan.

"KPDN sudah bekerjasama rapat dengan dua pengilang utama negara iaitu MSM dan CSR bagi memastikan isu gangguan kepada bekalan ini diatasi dengan segera di negeri yang terbabit," katanya.

Mengulas lanjut, Salahuddin berkata, beliau berharap penduduk di negeri terbabit juga tidak panik atau terperdaya dengan kemung-

kinan isu harga gula akan naik dimainkan pihak tertentu.

"KPDN akan bertindak tegas kepada mana-mana pihak yang cuba mengambil kesempatan di atas situasi yang berlaku, begitu juga yang mungkin membuat provokasi keronnya harga gula akan dinaikkan."

"Setakat ini KPDN memberi jaminan setakat hari ini (semalam) belum ada apa-apa keputusan kenakan harga gula dan rakyat masih dapat membeli bekalan gula dengan harga yang ditetapkan."

"Kalau ada pihak yang menyorok atau melakukan sabotaj akan dikenakan tindakan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya.

Gangguan bekalan gula akibat penutupan sementara kilang - Salahuddin

SEPANG - Gangguan bekalan gula di Pantai Timur telah pulih dan dikenal pasti berpunca daripada penutupan sementara kilang gula MSM Malaysia Holdings Bhd di Johor dan Perai, Pulau Pinang, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub.

Dalam sidang akhbar mengenai isu bekalan gula di Pantai Timur di sini pada Selasa, beliau berkata, kilang terbabit ditutup sementara sempena sambutan Aidilfitri dan telah beroperasi semula pada 25 April lepas.

Menurutnya, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bekerjasama rapat dengan dua kilang pengeluar gula tempatan iaitu MSM Malaysia dan Central Sugars Refinery Sdn Bhd (CSR) bagi memastikan isu gangguan bekalan gula itu diatasi segera.

"Isu kekurangan gula di Pantai Timur telah dapat diatasi, saya harap penduduk tidak panik dan tidak terpedaya dengan isu yang dimainkan bahawa terdapat kemungkinan harga gula akan naik," katanya sambil menambah bekalan baharu akan diagihkan kepada pemborong dan peruncit mulai hari ini dengan pemantauan KPDN Kelantan.

Media baru-baru ini melaporkan kegusaran dalam kalangan rakyat Kelantan susulan kesukaran mendapatkan bekalan gula paket satu kilogram (kg)



FOTO: BERNAMA

Salahuddin (tengah) menjawab pertanyaan media mengenai kekurangan bekalan gula di Pantai Timur di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Terminal 1, Sepang pada Selasa.

yang didakwa tiada di pasaran sejak 22 April lepas.

Pada Isnin, Pengarah KPDN Kelantan, Azman Ismail dilaporkan berkata, pihaknya telah mengagihkan 250,000kg gula kepada sejumlah besar pasar raya termasuk pengagihan secara berperingkat kepada pemborong dan peruncit bagi memastikan isu kekurangan bekalan itu dapat diselesaikan dalam tempoh dua hari.

Dalam perkembangan lain, Salahuddin berkata, harga runcit maksimum minyak masak sawit tulen kemasan botol kekal bagi tempoh 8 Mei hingga 7 Jun ini.

Harga minyak masak botol bagi satu kg kekal pada harga RM6.90, 2kg (RM13.30), 3kg

(RM19.60) dan 5kg pada harga RM30.90, yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum Bagi Minyak Masak) (No 7) 2023.

"Secara umumnya terdapat kenaikan harga sawit mentah untuk bulan April berbanding bulan sebelumnya yang telah mele过asi RM4,000 per tan metrik. Kenaikan ini menyebabkan berlakunya kenaikan harga runcit minyak masak tulen."

"Bagaimanapun, bagi mengelak bebanan kepada rakyat dan pengguna kerajaan bersetuju untuk mengelakkan harga minyak masak tulen kemasan botol bagi tempoh berkenaan," jelas beliau. - Bernama

Gula dijual RM4.50 di Tanah Merah

Cetus kerasahan dalam kalangan pengguna

Oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN
TANAH MERAH

Sikap tidak bertanggungjawab se-gelintir peniaga di sini yang menjual gula dengan harga RM4.50 sekilogram mencetuskan kerasahan dalam kalangan pengguna.

Seorang usahawan yang hanya ingin dikenali sebagai Rosnah, 43, berkata, dia terkejut apabila mendapat peruncit menjual gula pada harga tinggi dengan alasan bekalan sukar diperoleh.

"Apa yang dilakukan oleh peniaga berkenaan amat mengecewakan saya. Ketidaaan bekalan bukan alasan untuk menaikkan harga dengan sewenang-wenangnya," katanya kepada pemberita di sini pada Selasa.

Menurutnya, pengguna kini berada

dalam keadaan tertekan apabila terpaksa berdepan dengan peningkatan kos sara hidup ketika ini.

Rosnah berharap kerajaan dapat mengambil serius keluhan rakyat berkait dengan peningkatan harga barang di pasaran.

Katanya, kegagalan kerajaan mengawal harga barang dibimbangi akan memberikan tekanan lebih dahsyat kepada golongan berpendapatan rendah termasuklah miskin tegar.

Seorang lagi pengguna, Amran, 37, berkata, keadaan menjadi rumit apabila ada peniaga yang mengehadkan pembelian gula dengan alasan bekalan kurang.

"Sudahlah begitu, harga yang dijual agak tinggi antara RM3 hingga RM4. Mahu atau tidak sebagai pengguna kita tidak mempunyai pilihan kerana gula merupakan antara salah satu keperluan dalam kehidupan seharian.

"Nak beli gula perang atau gula kastor harganya agak tinggi. Lagipun rasanya

kurang sama dengan gula pasir biasa," ujar perternak itu.

Peniaga, Norihan, 39, pula memberitahu, kesukaran mendapatkan bekalan gula memberikan kesan kepada peniaga minuman sepertiinya.

Katanya, sebagai alternatif dia terpaksa menggunakan gula perang bagi memastikan perniagaan minuman di premisnya dapat diteruskan.

"Walaupun harga sekitar RM3 hingga RM5 sekilogram, namun setakat ini saya masih mampu bertahan dengan tidak me-naikkan harga minuman," katanya.

Sinar Harian pada Isnin melaporkan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Kelantan mengagihkan sebanyak 250,000 kilogram (kg) gula di pasar raya di seluruh negeri ini pada Isnin ekoran kekurangan stok bahan mentah itu di pasaran sebelum ini.

Pengarahnya, Azman Ismail berkata, agihan itu dilakukan secara berperingkat termasuk kepada pemborong dan pe-runcit dari masa ke masa.



Antara luahan pengguna berkaitan harga gula yang dikongsikan di media sosial.

Harga runcit minyak masak botol kekal

PUTRAJAYA: Kerajaan dan industri bersetuju untuk mengekalkan harga runcit minyak masak sawit tulen dalam botol untuk tempoh 8 Mei sehingga 7 Jun depan.

Menurut Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), pengekalan harga runcit tersebut melibatkan pembayaran subsidi kepada pengilang-pengilang penapis secara tuntutan bayaran balik (*reimbursement*) berdasarkan bilaan tuntutan sebenar.

“Secara umumnya, terdapat kenaikan harga minyak sawit mentah (*crude palm oil*) untuk bulan April berbanding bulan sebelumnya yang mele过asi RM4,000 per tan metrik.

“Kenaikan ini sekali gus menyebabkan berlakunya kenaikan harga runcit minyak masak tulen dalam botol berdasarkan kepada konsep harga siling bergerak.

“Namun, bagi mengelak beban kepada rakyat dan pengguna, kerajaan dan industri bersetuju

untuk mengekalkan harga runcit minyak masak sawit tulen dalam botol dan perbezaan harga ditanggung oleh kerajaan,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Menurut KPDN, harga runcit maksimum bagi minyak masak sawit tulen dalam botol pada tempoh tersebut adalah RM6.90 bagi kemasan botol satu kilogram (kg), RM13.30 (2 kg), RM19.60 (3 kg) dan RM30.90 bagi lima kilogram.

Jelasnya, adalah menjadi komitmen kerajaan untuk terus membantu rakyat meringankan beban kos sara hidup dan menangani isu kenaikan harga bagi mengelakkan kesan kepada pengguna.

“Selain pelbagai inisiatif di bawah Payung Rahmah, turut diteruskan adalah peranan kerajaan menerusi KPDN yang menetapkan harga runcit maksimum bagi minyak masak tulen kemasan botol bawah Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) (No.4) 2023,” ujarnya.

Subsidi minyak masak botol 5kg kekal hingga 7 Jun

Sepang: Subsidi minyak masak botol lima kilogram (kg) dikekalkan untuk tempoh 8 Mei hingga 7 Jun depan bagi memastikan bekalan mencukupi dan harga minyak tidak dinaikkan.

Berikutnya langkah itu, harga runcit maksimum minyak masak sawit botol 5kg kekal pada harga RM30.90.

Harga runcit minyak masak sawit tulen dalam botol bagi 1kg hingga 3kg juga masing-masing kekal RM6.90 (1kg), RM13.30 (2kg) dan RM19.60 (3kg).

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata kerajaan menampung subsidi RM5 juta bagi tujuan itu berikutan kenaikan harga minyak sawit mentah (CPO).

“Sekali lagi, kerajaan tampil (beri subsidi) bagi memastikan bekalan mencukupi dan harga tidak dinaikkan walaupun harga CPO pada April tahun ini mencapai RM4,200 satu tan dan melepas tahap ambang kita iaitu RM3,800 yang naik dua bulan berturut-turut.

“Bulan lalu, kita tampung dengan subsidi. Bulan ini pun, kita tampung dengan subsidi bagi memastikan bekalan minyak botol kemasan tidak naik dan rakyat kekal beli pada harga RM30.90,” katanya.

Sementara itu, kementerian itu dalam satu kenyataan memaklumkan, kerajaan dan industri menanggung perbezaan harga minyak masak botol bagi mengurangkan beban kepada rakyat dan pengguna.

“Pengekalan harga runcit minyak masak sawit dalam botol ini membabitkan pembayaran subsidi kepada pengilang pénapis secara tuntutan bayaran balik berdasarkan bilangan tuntutan sebenar,” katanya.



Langkah kekal subsidi minyak masak botol 5kg sehingga 7 Jun kurangkan beban rakyat.

(Foto hiasan)

Harga runcit minyak masak botol kekal sehingga 7 Jun depan

PUTRAJAYA — Kerajaan dan industri bersetuju untuk mengekalkan harga runcit minyak masak sawit tulen dalam botol untuk tempoh 8 Mei sehingga 7 Jun depan.

Menurut Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN), pengekalan harga runcit tersebut melibatkan pembayaran subsidi kepada pengilang-pengilang penapis secara tuntutan bayaran balik (reimbursement) berdasarkan bilangan tuntutan sebenar.

Katanya, secara umumnya, terdapat kenaikan harga minyak

sawit mentah untuk bulan April berbanding bulan sebelumnya yang telah melepas RM4,000 per tan metrik.

"Kenaiakan ini sekali gus akan menyebabkan berlakunya kenaikan harga runcit minyak masak tulen dalam botol berdasarkan kepada konsep harga siling bergerak."

"Namun, bagi mengelak beban kepada rakyat dan pengguna, kerajaan dan industri bersetuju untuk mengekalkan harga runcit minyak masak sawit tulen dalam botol untuk tempoh 8 Mei hingga 7 Jun dan perbezaan

harga di tanggung oleh kerajaan, katanya dalam satu kenyataan semalam.

Menurut KPDN lagi, harga runcit maksimum bagi minyak masak sawit tulen dalam botol pada tempoh tersebut adalah RM6.90 bagi kemasan botol satu kilogram (kg), RM13.30 (2 kg), RM19.60 (3 kg) dan RM30.90 bagi 5 kg.

Jelasnya, adalah menjadi komitmen kerajaan untuk terus membantu rakyat dalam meringankan beban kos sara hidup dan menangani isu kenaikan harga bagi mengelakkan kesan kepada pengguna.



MINYAK masak botol 5 kg berharga RM30.90. — GAMBAR HIASAN

Harga runcit minyak masak kemasan botol 5kg kekal RM30.90

Sepang: Kerajaan menambah subsidi sebanyak RM5 juta untuk memastikan harga runcit maksimum bagi minyak masak sawit tulen kemasan botol lima kilogram (kg) kekal pada harga RM30.90 untuk tempoh 8 Mei hingga 7 Jun depan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata langkah sama turut dilakukan kerajaan pada bulan lalu berikutan kenaikan harga minyak sawit mentah (CPO).

"Sekali lagi kerajaan tam-pil (beri subsidi) bagi memastikan bekalan mencukupi dan harga tidak dinaikkan walaupun harga CPO pada April tahun ini mencapai RM4,200 satu metrik tan dan mele过asi tahap am-bang (threshold) kita iaitu RM3,800 yang naik dua bukan berturut-turut.

"Bulan lalu kita tumpung dengan subsidi, bulan ini pun kita tumpung dengan subsidi bagi memastikan bekalan minyak botol kemasan tidak naik dan rakyat kekal beli pada harga RM30.90," katanya pada sidang media di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, semalam.

Sementara itu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) dalam satu kenyataan memaklumkan, harga runcit minyak masak sawit tulen dalam botol bagi satu hingga tiga kg kekal.

"Minyak masak botol bagi satu kg kekal pada harga RM6.90, dua kg (RM13.30) dan tiga kg (RM19.60). . .



Bulan lalu kita tumpung dengan subsidi, bulan ini pun kita tumpung dengan subsidi bagi memastikan bekalan minyak botol kemasan tidak naik"

Salahuddin

"Bagi mengelakkkan beban kepada rakyat dan pengguna, kerajaan serta industri bersetuju untuk mengekalkan harga runcit minyak masak sawit tulen dalam botol untuk tempoh 8 Mei hingga 7 Jun 2023 dan perbezaan harga ditanggung oleh kerajaan.

"Pengekalan harga runcit minyak masak sawit dalam botol ini membabitkan pembayaran subsidi kepada pengilang penapis secara tuntutan bayaran balik (reimbursement) berdasarkan bilangan tuntutan sebenar," katanya.

KPDN berkata, mana-mana pihak yang menjual melebihi harga maksimum boleh diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 serta boleh dikenakan pe-nalti.

Individu yang disabitkan kesalahan boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya, manakala syarikat pula boleh didenda sehingga RM500,000.

ISU BARANG KAWALAN BERSUBSIDI

156 kes babit rampasan bernilai RM4.41j menerusi Op Tiris

Ipol: Sebanyak 156 kes berhubung isu barang kawalan bersubsidi melibatkan nilai rampasan RM4.41 juta diambil tindakan hasil 5,371 periksaan di seluruh negara menurusi Op Tiris bermula 1 Mac hingga kelmarin.

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) Datuk Azman Mohd Yusof berkata kes terbaru melibatkan serbuan ke atas sebuah stor haram yang disyaki melakukan aktiviti pemindahan minyak diesel

bersubsidi tanpa kebenaran di Bukit Kayu Hitam, Kedah, pada Jumaat lepas.

Katanya serbuan yang dilakukan bersama pihak polis itu, membabitkan rampasan bernilai RM3.60 juta.

"Satu lagi kes adalah rampasan minyak diesel oleh pihak KPDN di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuantan dan Keselamatan (ICQS) Bukit Berapit, Pengkalan Hulu pada Sabtu lepas dengan nilai rampasan RM51,000.

"KPDN memandang seri-

us itu ketirisan barang kawalan dan bersubsidi terutamanya yang berlaku di pintu sempadan negara kerana ia memberi impak negatif dan kerugian yang besar kepada negara," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata isu penyelewengan barang kawalan bersubsidi di sempadan antarabangsa Malaysia dengan Thailand, Indonesia, Brunei dan Singapura merupakan antara perkara utama yang menjadi perhatian pihak kerajaan.

Menurutnya KPDN juga sentiasa mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan di pintu masuk sempadan di seluruh negara dengan menjalinkan kerjasama erat bersama agensi penguatkuasaan berkaitan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan Jabatan Imigresen (JIM).

"Antara bentuk kerjasama tersebut adalah dari segi

perkongsian maklumat serta kepakaran dalam memastikan isu berkaitan ketirisan barang kawalan dan bersubsidi dapat dibanteras bersama," katanya.

Kelmanin, Azman mengadakan lawatan kerja ke Kompleks ICQS Bukit Berapit bagi melihat sendiri situasi semasa di pintu sempadan negara khususnya di sempadan Pengkalan Hulu.

Lawatan kerja itu juga bertujuan mengeratkan kerjasama KPDN bersama agensi penguatkuasaan di

ICQS berkenaan seperti pihak JIM dan Pasukan Gerakan Am, PDRM Perak terutama dari aspek kawalan dan bersubsidi dapat diberantas bersama," katanya.

Kelmanin, Azman mengadakan lawatan kerja ke Kompleks ICQS Bukit Berapit bagi melihat sendiri situasi semasa di pintu sempadan negara khususnya di sempadan Pengkalan Hulu.

Selain itu, lawatan berkenaan juga bagi mengenal pasti lokasi bersesuaian untuk perluasan program stesen minyak tanpa subsidi di kawasan berhampiran sempadan Pengkalan Hulu-Thailand.



MEDIA ONLINE (KPDN)

3 MEI 2023 (RABU)

BERITA ONLINE BERTARikh 3 MEI 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
3-May	Gangguan bekalan gula di Pantai Timur sudah pulih - Menteri	https://m.malaysiakini.com/news/663769	MALAYSIAKINI
3-May	Gangguan bekalan gula di Pantai Timur pulih – Salahuddin	https://www.melakahariini.my/gangguan-bekalan-gula-di-pantai-timur-pulih-salahuddin/	MELAKAHARIINI
3-May	Kilang gula MSM tutup punca bekalan gula terputus di Kelantan	https://suaramerdeka.com.my/kilang-gula-msm-ditutup-punca-bekalan-gula-terputus-di-kelantan/	SUARAMERDEKA
3-May	Kilang tutup sementara kerana Aidilfitri punca bekalan gula kurang	https://www.kosmo.com.my/2023/05/02/kilang-tutup-sementara-kerana-aidilfitri-punca-bekalan-gula-kurang/	KOSMO
3-May	Bekalan gula paket 1kg terjejas di Kelantan, Terengganu	https://thererdekatimes.com/news/2023/05/bekalan-gula-paket-1kg-terjejas-di-kelantan-terengganu/	THEMERDEKATIMES
3-May	GANGGUAN BEKALAN GULA DI PANTAI TIMUR PULIH	https://www.google.com/amp/s/alhijrahnews.com/gangguan-bekalan-gula-di-pantai-timur-pulih/amp/	ALHIJRAHNEWS
3-May	Gangguan Bekalan Gula Di Pantai Timur Pulih – Salahuddin	https://siakapkeli.my/2023/05/02/gangguan-bekalan-gula-di-pantai-timur-pulih-salahuddin/	SIAKAPKELI
3-May	Sugar supply to east coast restored, says Salahuddin	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/05/02/sugar-supply-to-east-coast-restored-says-salahuddin	THESTAR
3-May	Salahuddin says sugar supply in east coast back to normal	https://www.themalaysianinsight.com/s/440536	THEMALAYSIANINSIGHT
3-May	Kilang gula tutup sementara cuti Aidilfitri punca bekalan putus	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/kilang-gula-tutup-sementara-cuti-aidilfitri-punca-bekalan-putus/	UM

3-May	Gangguan bekalan gula di Pantai Timur akibat penutupan sementara kilang	https://malaysiagazette.com/2023/05/02/gangguan-bekalan-gula-di-pantai-timur-akibat-penutupan-sementara-kilang/	MALAYSIAGAZETTE
3-May	Salahuddin: 'Sugar supply in East Coast restored'	https://www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/05/904914/salahuddin-sugar-supply-east-coast-restored	NST
3-May	Salahuddin says sugar supply in East Coast restored	https://www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/05/02/salahuddin-says-sugar-supply-in-east-coast-restored/67299	MALAYMAIL
3-May	Salahuddin: 'Sugar supply in East Coast restored'	https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/05/904914/salahuddin-sugar-supply-east-coast-restored	NST
3-May	Kilang gula tutup punca bekalan terputus – KPDN	https://www.edisi9.com.my/2023/05/kilang-gula-tutup-punca-terputus-bekalan-kpdn/	EDISI9
3-May	Bekalan gula terjejas di Kelantan, Terengganu, kata menteri	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/05/02/bekalan-gula-terjejas-di-kelantan-terengganu-kata-menteri/	FMT
3-May	KPDN Kelantan agih 250,000 kg bekalan gula ke seluruh negeri	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-kelantan-agih-250-000-kg-bekalan-gula-ke-seluruh-negeri-417684%3famp=1	ASTROAWANI
3-May	Gangguan bekalan gula di pantai timur pulih	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2185536	BERNAMA

3-May	Sugar supply to east coast restored, says Salahuddin	https://bernama.com/en/general/news.php?id=2185508	BERNAMA
3-May	Gangguan bekalan gula akibat penutupan sementara kilang	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/256543	SH
3-May	Sugar supply in East Coast Restored - Salahuddin	https://www.google.com/amp/s/www.sinardaily.my/ampArticle/195011	SINARDAILY
3-May	Harga runcit minyak masak botol kekal	https://www.kosmo.com.my/2023/05/02/harga-runcit-minyak-masak-botol-kekal/	KOSMO
3-May	Harga minyak masak kemasan botol 5kg kekal pada harga RM30.90	https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/harga-minyak-masak-kemasan-botol-5kg-kekal-pada-harga-rm3090-x8kkzdl	ASTROAWANI
3-May	KPDN umum harga minyak masak sawit kekal	https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/62637-kpdn-umum-harga-minyak-masak-sawit-kekal	BERITARTM
3-May	Harga runcit minyak sawit tulen botol kekal hingga 7 Jun	https://ismaweb.net/2023/05/02/harga-runcit-minyak-sawit-tulen-botol-kekal-hingga-7-jun/	ISMAWEB.NET
3-May	Harga kekal, kerajaan beri subsidi minyak masak dalam botol	https://www.google.com/amp/s/www.suarakeadilan.my/amp/harga-kekal-kerajaan-beri-subsidi-minyak-masak-dalam-botol	SUARAKEADILAN
3-May	Harga runcit minyak masak botol kekal	https://wartaoriental.com/2023/05/02/harga-runcit-minyak-masak-botol-kekal/	WARTAORIENTAL
3-May	Menu Rahmah: "Saya rasa boleh kekal"- YB Datuk Seri Salahuddin Ayub Fokus Pagi	https://youtu.be/VXCVQGGyvc	BULETIN TV
3-May	Harga kekal, kerajaan beri subsidi minyak masak dalam botol	https://www.google.com/amp/s/www.suarakeadilan.my/amp/harga-kekal-kerajaan-beri-subsidi-minyak-masak-dalam-botol	SUARAKEADILAN

3-May	KPDN Belum Ada Keputusan Naikkan Harga Gula	https://youtu.be/xK6E-sWGuHl	BULETINTV3
3-May	Gelap mata upah RM100 hantar petrol untuk diseludup	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/05/962547/gelap-mata-upah-rm100-hantar-petrol-untuk-diseludup	HM
3-May	KPDN rampas 1,025 liter petrol disyaki diseleweng	https://www.google.com/amp/s/malaysiapost.com.my/2023/05/02/kpdn-rampas-1025-liter-petrol-disyaki-diseleweng/amp/	MALAYSIAPOST